

8 FEB 1996

SEBUAH LAGI KILANG KERTAS AKAN DIBINA DI BINTULU

Oleh: Amer Hamzah Mat Sap

KUCHING, 8 Feb (Bernama) -- Sebuah lagi kilang kertas membabitkan pelaburan berjumlah RM3 bilion akan di bina di Bintulu bulan depan, kata Tan Sri Ting Pek Khiing hari ini.

Kilang tersebut kata beliau adalah hasil usaha sama antara salah sebuah syarikatnya dan sebuah syarikat pengeluar kertas terkemuka yang berpangkalan di Sumatera.

Nama syarikat berkenaan serta pihak yang terbabit dalam usaha sama tersebut akan diumumkan pada 16 Mac selepas ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di tapak seluas 2,000 hektar di Tanjung Kidurung, Bintulu, katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada rombongan dagang seramai 20 anggota dari Singapura di sini hari ini.

Kilang berkenaan dijangka siap di bina dalam tempoh antara 18 dan 24 bulan dan mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan, jelas beliau.

Menurut Ting, 45 peratus daripada ekuiti dalam syarikat usaha sama berkenaan akan dipegang oleh syarikatnya manakala 55 peratus lagi dipegang oleh rakan kongsinya dari Indonesia. -- BERNAMA